

## **SIARAN MEDIA**

### **Untuk siaran segera**



## **PROGRAM BAUCAR PERLINDUNGAN TENANG**

### **Industri Insurans dan Takaful Menggesa Penerima Bantuan Prihatin Rakyat 2021 Yang Layak Menebus Baucar Perlindungan Tenang Bernilai RM50 sebelum 31 Disember 2021**

**Kuala Lumpur, Khamis, 16 Disember 2021** – Industri insurans dan takaful menggesa semua penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas yang layak untuk segera menebus Baucar Perlindungan Tenang (PTV) mereka bernilai RM50 sebelum tempoh penebusan tamat pada 31 Disember 2021.

Program PTV ini telah dilancarkan pada 30 September 2021, yang membolehkan penerima BPR yang layak membeli atau menyertai pelan insurans atau takaful yang ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful dalam negara yang berdaftar di bawah Perlindungan Tenang untuk melindungi diri penerima, keluarga dan orang tersayang terhadap risiko utama kehidupan seperti kematian, kemalangan, kebakaran, dan lain-lain kejadian yang tidak diingini.

Sehingga kini, lebih 888,000 baucar telah ditebus oleh penerima BPR dengan jumlah perlindungan melebihi RM44 juta.

Penerima BPR 2021 digesa untuk menyemak kelayakan mereka untuk menerima baucar RM50 ini melalui portal khas PTV di [www.myptv.my](http://www.myptv.my). Setelah mengesahkan kelayakan, mereka dinasihatkan untuk melayari [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my) untuk melihat ciri-ciri dan manfaat yang ditawarkan oleh produk Perlindungan Tenang di laman sesawang syarikat insurans atau pengendali takaful yang berkaitan, seterusnya membuat pembelian pelan perlindungan yang memenuhi keperluan penerima

mereka. Sebagai alternatif, penerima BPR juga boleh ke mana-mana cawangan syarikat insurans, pengendali takaful, ejen atau pengedar Perlindungan Tenang yang sah untuk menyemak kelayakan serta membeli/menyertai produk yang mereka inginkan.

Bermula 1 Januari 2022, nilai baucar PTV akan ditingkatkan kepada RM75 dan semua penerima BPR yang layak akan diberi baucar baru bernilai RM75 yang digunakan untuk memperbaharui pelan Perlindungan Tenang bagi tempoh setahun lagi; membeli pelan Perlindungan Tenang yang baharu; atau membeli polisi insurans /takaful komprehensif bagi motosikal 150cc ke bawah. Butir-butir mengenai baucar PTV 2022 ini akan diumumkan kemudian.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada soalan lazim (FAQ) yang disediakan, layari [www.myptv.my](http://www.myptv.my) atau [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my), atau hubungi Pusat Panggilan PTV di talian 03 7723 9333 daripada jam 8.00 pagi sehingga jam to 6.00 petang, Isnin hingga Jumaat.

# TAMAT #

Dikeluarkan oleh: LIAM, MTA and PIAM

**Media Contact:**

<p><b>LIAM:</b> Puan Norizan Hassan Head of Corporate Communications Life Insurance Association of Malaysia Level 6, AICB Building Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.</p> <p>Tel: 03-26919168, 03-26916628, 03-26918068 Email: <a href="mailto:liaminfo@liam.org.my">liaminfo@liam.org.my</a></p>	<p><b>MTA:</b> Puan Siti Nor Kamariah Ishak Head, Corporate Communications 21<sup>st</sup> Floor, Main Block Menara Takaful Malaysia Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur.</p> <p>Tel: 03-2031 8160 Fax: +603-2031 8170 Email: <a href="mailto:mtasecretariat@malaysiantakaful.com.my">mtasecretariat@malaysiantakaful.c om.my</a></p>	<p><b>PIAM:</b> Sofea Hasbullah Executive, Corporate Communications Persatuan Insurans Am Malaysia 3rd Floor, Wisma PIAM, 150, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur.</p> <p>Tel: +603-2274 7399 extn 34 Fax: +603-2274 5910 E-mail: <a href="mailto:corpcomms@piam.org.my">corpcomms@piam.org.my</a></p>
---	--	--

**ABOUT LIFE INSURANCE ASSOCIATION OF MALAYSIA (LIAM)**

Formed in 1974, the Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) is a trade association registered under the Societies Act 1966. LIAM has a total of 16 members, of which 14 are life insurance companies and 2 life reinsurance companies. LIAM's objectives are to promote a progressive life insurance industry; to enhance public understanding and appreciation for life insurance; to upgrade the image and professionalism of the life insurance industry and to support the regulatory authorities in developing a strong industry. More information on LIAM can be obtained from its website: [www.liam.org.my](http://www.liam.org.my)

**ABOUT MALAYSIAN TAKAFUL ASSOCIATION (MTA)**

Malaysian Takaful Association (MTA) was established on November 2002 under the Societies Act 1966. It is a trade association representing all 18 licensed Takaful and Retakaful operators in the country. The objectives and the powers of MTA are to promote the interests of its members and to inculcate the implementation of self-regulation within the Takaful industry. More information on MTA can be obtained from its website: [www.malysiantakaful.com.my](http://www.malysiantakaful.com.my)

**ABOUT PERSATUAN INSURANS AM MALAYSIA (PIAM)**

PIAM is the national trade association of all licensed direct and reinsurance companies for general insurance in Malaysia. Currently, PIAM has 25 member companies. More information on PIAM can be obtained from its website: [www.piam.org.my](http://www.piam.org.my)